

LATIHAN RINGKASAN

- (ii) Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **cara-cara menggunakan media sosial dengan bijak**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**.

Media sosial merupakan medium komunikasi utama yang popular pada masa kini. Antara laman sosial yang menjadi pilihan pengguna ialah Facebook, Instagram, Blog, dan Twitter. Laman sosial ini memudahkan pengguna untuk saling berinteraksi tanpa sempadan. Walau bagaimanapun, pengguna dinasihatkan agar sentiasa berwaspada ketika menggunakan media sosial. Hal ini bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Pengguna haruslah menggunakan media sosial dengan bijak. Berhati-hati ketika berkongsi maklumat peribadi pengguna seperti nama penuh, alamat tempat tinggal, nombor telefon, nombor akaun, dan sebagainya di media sosial. Hal yang demikian adalah untuk mengelakkan kecurian data peribadi dan penggodaman yang boleh membahayakan keselamatan diri pengguna. Banyak pengguna media sosial telah menjadi mangsa apabila data peribadi yang mereka kongsi di media sosial telah disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan mereka.

Pengguna remaja khususnya dinasihatkan agar tidak terlalu mendedahkan kegiatan harian mereka secara keterlaluan dalam media sosial. Tindakan mendedahkan kegiatan harian boleh membahayakan diri mereka kerana situasi ini akan menarik orang ramai untuk memanipulasikan maklumat yang dikongsi untuk tujuan yang tidak baik. Elakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber, buli siber, gangguan seksual, dan sebagainya.

Pengguna media sosial juga hendaklah menjaga etika ketika menggunakan media sosial. Gunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi dengan kenalan dalam media sosial. Tingkah laku seseorang mencerminkan keperibadiannya. Tunjukkan sikap dan kelakuan yang baik di media sosial agar pengguna yang lain tidak mudah mengambil kesempatan. Selain itu, jangan melayari laman sosial dalam tempoh yang terlalu lama kerana boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal pengguna. Justeru, jadilah pengguna media sosial yang bijak.

LENGGAPKAN PERENGGAN RINGKASAN BERIKUT:

.....ialah

.....

Seterusnya,

.....,

.....,

.....,

Akhir sekali,